

MENERAJUI KECEMERLANGAN

INFO

BIL. 2/2019 ISSN 0127-1023



Seminar BICARA CEO KONGSI PENGALAMAN USAHAWAN BERJAYA



DKN
2030
Dasar Keusahawanan Nasional
"Negera Keusahawanan Untuk 2030"

FOKUS

PEMASARAN VIRAL JANA PENDAPATAN KOPERASI MELALUI YOUTUBE

PERSPEKTIF

KURSUS RAIL TOURISM (KEDAH - NEGERI SEMBILAN)



www.ikkm.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya Majalah INFO keluaran 2/2019 dapat diterbitkan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua barisan editor dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Majalah INFO kali ini.

Alhamdulillah, tahun 2019 telah menyaksikan satu transformasi yang sangat signifikan buat semua warga kerja Institut Koperasi Malaysia(IKM).

Bermula dengan penjenamaan semula Maktab Koperasi Malaysia kepada Institut Koperasi Malaysia (IKM), IKM kini bukan sekadar pusat latihan dan pendidikan koperasi semata-mata, tetapi IKM kini berpaksikan kepada pembangunan kapasiti modal insan dalam usaha melahirkan gerakan koperasi yang berkeusahawanan tinggi. Selaras dengan itu, IKM kini telah mewujudkan lima teras strategik dalam membantu gerakan koperasi di Malaysia bagi meningkatkan sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) sebanyak RM55

bilion dalam bidang keusahawanan koperasi menjelang 2020. Antara lima teras tersebut adalah melonjakkan pendapatan koperasi melalui Liga Koperasi Jutaan Ringgit (MiRiCLE), membangunkan keusahawanan koperasi, membudayakan aplikasi revolusi industri 4.0, membudayakan keusahawanan sosial dan aktiviti SDG serta merejuvenasi koperasi secara bersasar.

Segmen Ekslusif kali ini memaparkan rencana mengenai **Seminar Bicara CEO Kongsi Pengalaman Usahawan Berjaya** yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli yang telah diadakan pada 10 Disember 2019 di Hotel Tenera, Bangi buat tatapan para pembaca sebagai penutup program anjuran IKM bagi tahun 2019.

Turut diselitkan dalam Majalah INFO keluaran kali ini adalah rencana tentang program **Coffee Talk – Cipta Nilai, Lonjak Pendapatan** yang merupakan program anjuran IKM Zon Timur serta beberapa program lain yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019.

Akhir kata, saya bagi pihak warga kerja IKM ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2020 buat semua pembaca. Semoga tahun 2020 ini memberi lembaran baharu buat semua gerakan koperasi di Malaysia.

Sekian.

Normila Ismail

Sidang Editor

Penasihat

YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat
Ketua Pengarah

Ketua Editor

Pn. Normila Ismail

Editor

Pn. Norhayati Abd. Rahman
Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
Pn. Nur Syazwani Zainul Abidin
Pn. Nor Azlina Kassim
Pn. Norawati Ngatmin
Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris
Pn. Hjh. Yusnita Othman
En. Mohd Hafizal Abu Bakar

Pn. Rohalinda Ahad

Pn. Julizah Sabstu

En. Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Pn. Malesa Shela Ta'yib

En. Muhammad Afnan Hasim

En. Muhammad Shafiq Mohd Noor

Cik Nasuha Nezuakifli

Pn. Norul Hayatie Hashim

Penyelaras

Cik Zaharatul Laili Zakaria
Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.
www.rekacetak.com

KANDUNGAN



EKSKLUSIF

- 4 Seminar Bicara CEO Kongsi Pengalaman Usahawan Berjaya

FOKUS

- 6 Coffee Talk – Cipta Nilai, Lonjak Pendapatan!
9 Risikan Perniagaan Peruncitan “Survival dalam Persaingan Pasaran”
11 Kursus Penternakan Arnab Pedaging “Bermula di Sini : Penternakan Arnab Pedaging”
13 Bicara Ilmu – Memperkasa Keusahawanan Sosial melalui Koperasi
15 Pemasaran Viral Jana Pendapatan Koperasi melalui YouTube
17 Seminar “Ajaibnya Bisnes: No Brand No Grand”

PERSPEKTIF

- 19 Bijak Melabur dalam Pasaran Modal
20 Kursus Rail Tourism (Kedah - Negeri Sembilan)
22 Tingkatkan Pendapatan Perniagaan dengan Pensijilan Halal
26 Sijil Profesional Setiausaha Koperasi
27 Kursus Persediaan Koperasi dalam Bisnes Spa
29 Pengurusan Perniagaan Homestay di Homestay Sedim, Kulim Kedah

GALERI

JARINGAN


- 31 Lawatan Ketua Pengarah IKM ke Koperasi Zon Timur (Terengganu dan Pahang)
33 Memorandum Persefahaman (MoU) Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan Bank Rakyat
34 Lawatan Kerja Delegasi France's Low Cost Housing Co-operative ke Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)

PELAWAT

- 35 Lawatan Delegasi Kementerian Tenaga (Tenaga & Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Brunei ke Institut Koperasi Malaysia
36 Lawatan Delegasi Ministry of Agriculture & Forestry Lao Pdr, ke Institut Koperasi Malaysia

BERITA KAKITANGAN

- 37 Bengkel Analisa Khidmat Perundingan MiRiCLE
39 IKM Perkasa Kualiti Pegawai Latihan menerusi Program Kolokium 2019
41 Bengkel Penulisan Artikel Jurnal
43 Program Kaki-kaki Kampung – Inisiatif Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad dalam Menyejahterakan Masyarakat
45 Sijil Business Coaching Centre o≠f Entrepreneur Development And Research (CEDAR)



Ucapan perasmian oleh YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan.

Seminar Bicara CEO Kongsi Pengalaman Usahawan Berjaya

Normila Ismail
Unit Komunikasi Korporat

Penganjuran Seminar Bicara CEO yang julung kali diadakan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM), dilihat menjadi platform terbaik untuk meningkatkan kefahaman koperator dalam melestarikan perniagaan koperasi dan merangka strategi perniagaan berimpak tinggi dan lebih berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pelaksanaan seminar yang julung kali diadakan ini bukan hanya terjemahan kepada aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030) yang menekankan peranan gerakan koperasi, malah manifestasi kepada hasrat kerajaan supaya gerakan koperasi diperbaharui dan diperkasakan melalui kepimpinan koperasi unggul. Gerakan koperasi perlu diperkuatkan sebagai satu instrumen utama dalam usaha meningkatkan kapasiti koperasi yang memberi fokus kepada penambahbaikan rantaian nilai, logistik dan pasaran produk koperasi ke peringkat lebih jauh.

Melalui penganjuran seminar ini juga, perkongsian pengalaman yang komprehensif daripada tokoh-tokoh terkemuka ini diharap dapat membantu gerakan koperasi agar dapat berkembang dengan lebih proaktif dan progresif. Pengisian sehari seminar ini telah mengundang enam ahli panel terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), agensi penyelia koperasi, gerakan koperasi dan usahawan yang berjaya.

Dua sesi forum telah diadakan iaitu sesi pertama melibatkan usahawan berjaya dan wakil gerakan koperasi manakala sesi kedua disertai oleh pihak MED dan Agensi Penyelia Koperasi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), IKM dan ANGKASA. Sesi forum ini turut membincangkan dasar-dasar berkaitan ekosistem keusahawanan yang merangkumi peranan dan hala tuju koperasi. Antara tajuk-tajuk pembentangan yang memberi impak signifikan kepada koperasi adalah Kebangkitan Semula Koperasi Polis, Hala Tuju Koperasi @ Rangka Undang-undang Baharu untuk Pembangunan Koperasi dan Modal Insan Keusahawanan Koperasi.

Seminar yang telah dihadiri hampir 1,000 peserta, terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus, anggota koperasi dan usahawan telah disempurnakan majlis perasmian penutupan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli pada 10 Disember 2019 di Hotel Tenera, Bangi.

Lima Teras IKM Bagi Tahun 2020



Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLe - Liga Koperasi Jutaan Ringgit)



Membangunkan Keusahawanan Koperasi



Membudayakan Aplikasi IR4.0



Membudayakan Keusahawanan Sosial dan Aktiviti *Sustainable Development Goals (SDG)*



Merejuvenasi Koperasi Secara Bersasar



YBhg. Tn. Hj. Ariffin (kanan) menyampaikan cenderamata kepada YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli.



YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli bergambar kenangan bersama-sama dengan peserta Seminar Bicara CEO.



Ketua Pengarah IKM bergambar bersama peserta yang hadir.

Coffee Talk Cipta Nilai, Lonjak Pendapatan!

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Menjelang tahun 2020, sasaran Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) adalah perolehan koperasi di seluruh Malaysia mencapai sumbangan sebanyak RM55 bilion. Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata angka itu merupakan peningkatan sebanyak RM5 bilion daripada sasaran awal RM50 bilion. Menurut beliau, sasaran itu mampu dicapai menerusi peningkatan dalam aktiviti perniagaan koperasi. Sehubungan dengan itu, anggota koperasi hendaklah menggunakan segala bentuk peluang untuk mencapai sasaran ditetapkan.

Justeru, dalam membuka jalan kepada setiap usahawan koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur telah mengadakan program *Coffee Talk – Cipta Nilai, Lonjak Pendapatan* pada 7 Julai 2019 di Hotel Permai, Kuala Terengganu, Terengganu. Sambutan yang amat menggalakkan dan kehadiran seramai 386 orang peserta yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurusan Koperasi dan usahawan-usahawan serta anggota koperasi di negeri Terengganu adalah di luarjangkaan.

Program ini dibahagikan kepada empat sesi iaitu sesi pertama bersama Ikon Usahawan Berjaya, sesi kedua bersama SIRIM Wilayah Pantai Timur, sesi ketiga bersama Ketua Pengarah IKM dan sesi dialog soal jawab bersama IKM, ANGKASA, TEKUN dan SMECorp. Sesi pertama bersama Ikon Usahawan dimulakan oleh Puan Wan Norshiha binti Wan Embong, Pengarah Urusan, Shinora Food Industries Sdn. Bhd. dengan ceramah bertajuk "Nilai Tambah Produk kepada Kejayaan Perniagaan". Beliau juga adalah salah seorang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) untuk Koperasi Groom Big Terengganu Berhad. Antara perkongsian dalam sesi beliau adalah bagaimana proses pembuatan produk dilaksanakan daripada peringkat pemprosesan, pembungkusan dan seterusnya penghantaran kepada pasar raya - pasar raya terlibat. Selain itu, pengalaman bagaimana menyediakan premis halal dan cara sesuatu produk untuk mendapatkan status halal juga dikongsi kepada para peserta. Untuk sesuatu produk berjaya dipasarkan di pasar raya besar tempatan dan pasaran luar negara, pembungkusan produk adalah sangat penting supaya ia lebih bersedia untuk pasaran yang lebih kompetitif dan mempunyai potensi

yang besar dan mampu bersaing dengan produk-produk lain. Satu fakta menarik dan sangat terkesan adalah bagaimana perniagaan Puan Wan Norshiha mendapat manfaat yang berimpak besar apabila beliau terlibat dengan koperasi. Manfaat pasaran yang lebih luas hingga ke luar negara dapat diterokai apabila bergerak secara berjemaah. Anggota koperasi sama-sama mengumpulkan produk pengeluaran mereka dan menghantar secara besar-besaran melalui kontena atas nama koperasi.

Sesi kedua program ini pula diteruskan oleh En. Bahrim bin Yunos, Pengarah Wilayah, SIRIM Wilayah Pantai Timur yang berkongsi ilmu berkaitan peranan SIRIM dalam pembangunan sesebuah produk serta bagaimana untuk mendapat akreditasi dan pengiktirafan daripada pihak SIRIM. Selain itu, SIRIM juga menyediakan perkhidmatan kepada usahawan dan koperator untuk mereka bentuk pembungkusan dan keselamatan produk. SIRIM juga dilihat sebagai rakan strategik untuk menjalankan proses inovasi menambah nilai produk-produk perniagaan usahawan dan koperasi. Inovasi akan memberikan daya saing kepada peningkatan kecekapan, pengeluaran, keuntungan, kualiti dan

di samping itu akan mengurangkan kos kepada sesuatu produk.

Bagi sesi ketiga bersama Ketua Pengarah IKM, YBhg. Tn. Hj. Ariffin bin Mamat, Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia (IKM) membentangkan kertas kerja bertajuk "Cipta Nilai, Lonjak Pendapatan". Beliau memfokuskan ceramahnya kepada tiga bahagian iaitu kepimpinan menentu hala tuju, ciptaan nilai dan menjana pendapatan melalui program MiRiCLE. Bahagian pertama tentang kecemerlangan koperasi bermula dengan kepimpinan barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) itu sendiri. Pemimpin yang cemerlang akan melihat ruang dan peluang untuk berjaya. Mereka ini akan mengubah keadaan sedia ada dan membuat perkara yang luar biasa walaupun ia amat sukar. Tindakan akan digerakkan seiring dengan keputusan dan pilihan yang telah dibuat. Justeru, ALK haruslah berwawasan, mempunyai visi dan misi, bersemangat serta bermotivasi untuk mencapai kejayaan.

Seterusnya ciptaan nilai pula membincangkan tentang perancangan perniagaan yang mampu memberi pulangan pendapatan kepada perniagaan. Penumpuan harus diberikan kepada bidang kepakaran koperasi masing-



Tn. Hj. Ariffin bin Mamat, Ketua Pengarah IKM, menyampaikan ceramah beliau.



Sesi dialog bersama agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.



Untuk sesuatu produk berjaya dipasarkan di pasar raya besar tempatan dan pasaran luar negara, pembungkusan produk adalah sangat penting supaya ia lebih bersedia untuk pasaran yang lebih kompetitif dan mempunyai potensi yang besar dan mampu bersaing dengan produk-produk lain.

masing serta bagaimana kita perlu bijak melihat peluang-peluang yang ada dengan mencari pasaran terlebih dahulu kemudiannya membuat kajian pasaran dan seterusnya mencari idea untuk memulakan perniagaan. Cetuskan idea, lakukan tambah nilai dalam produk serta perkhidmatan dan laksanakan. Bahagian terakhir adalah berkaitan Million Ringgit Coop League (MiRiCLE) di mana program ini diwujudkan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan koperasi. IKM akan turun padang untuk mendiagnosis permasalahan yang berlaku dalam aktiviti perniagaan koperasi seterusnya membantu memberi bimbingan dan latihan mengikut keperluan koperasi. Tetapi dalam melaksanakan program MiRiCLE ini, kemahuhan dan kesediaan koperasi sangatlah diperlukan untuk meningkatkan prestasi koperasi dengan cara meningkatkan produktiviti, mengembangkan perniagaan sedia ada, mengurangkan kos operasi dan menjalankan aktiviti perniagaan yang baru.

Program diakhiri dengan sesi dialog bersama koperasi dan usahawan. Antara panel agensi yang terlibat adalah En. Mohd Zaib bin Mat Yunus, Pengarah Kanan Zon IKM, Tn. Hj. Mohamed bin Yusuff, Pengurus JPAN Terengganu, En. Mohd Ghazali bin Hussain, Pengurus TEKUN Nasional Negeri Terengganu dan En. Rosman bin Zamri, Pengarah Negeri SME Corporation Malaysia Terengganu. Sesi dialog ini adalah bagi menjawab segala pertanyaan dan persoalan hadirin dalam melancarkan perniagaan yang mereka jalankan.

IKM Zon Timur juga mengambil inisiatif membuka gerai bagi koperasi yang mempunyai produk untuk membuat jualan pada hari program. Antara koperasi yang membuka gerai jualan produk koperasi adalah Koperasi Groom Big Terengganu Berhad, Koperasi Ummu Wahidah Terengganu Berhad dan Koperasi YaPIEM Terengganu Berhad. Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif yang disasarkan. Peserta telah didedahkan dengan peluang dan ruang yang wujud dalam gerakan koperasi bagi meningkatkan sosioekonomi pada masa hadapan. Program ini juga berjaya mengumpulkan para usahawan dan koperasi yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan baru iaitu aktiviti perniagaan ternakan arnab pedaging. Diharap IKM Zon Timur dapat menganjurkan program-program seumpama ini lagi pada masa akan datang. Tahniah!



Antara peserta yang hadir ke program 'Coffee Talk' Cipta Nilai, Lonjak Pendapatan!



Gerai jualan produk Koperasi Groom Big Terengganu Berhad.



Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri Perak yang hadir.



Sambutan yang menggalakkan daripada koperator dan usahawan dari Zon Utara.

Risikan Perniagaan Peruncitan “Survival dalam Persaingan Pasaran”

Noor Shafeeza Zainuddin
Sektor Keusahawanan Koperasi

“SIAPA MEREKA...dalam ekosistem peruncitan?”,

En. Mohd Roslan Bani Amin, Ketua Sektor Bidang Keberhasilan IKM mengajukan soalan kepada 150 orang peserta di Hotel Taiping Perdana pada 10 Julai 2019. Setiap pengendali dalam rantaian seperti pengeluar, pembekal, pengedar, pemborong dan peruncit mempunyai kos pengedaran, kos pegangan dan kos margin yang tersendiri. Margin akan makin mengecil apabila rantaian peruncitan mempunyai banyak lapisan dan peringkat sebelum barang niaga sampai kepada pengguna. Ia juga akan memberi kesan kepada penawaran harga yang tinggi di pasaran dan membebankan pengguna. Gerakan koperasi melalui sinergi antara Kementerian Pembangunan Usahawan, agensi-agensi kerajaan dan ANGKASA mampu menangani permasalahan ini dengan memperkasakan aktiviti pemborongan dan peruncitan di antara rantaian melalui “Smart Partnership” dengan meletakkan koperasi yang menjadi agen di setiap rantaian. Koperasi akan beroperasi sebagai pembekal, pengedar dan peruncit kepada anggota melalui dua atau tiga lapisan sahaja; dengan mengekalkan prinsip membantu anggota dengan menawarkan jualan harga murah dan berpatutan.



En. Mohd Roslan Bani Amin menerangkan kepada peserta untuk mengenal siapa yang terlibat dalam rantaian peruncitan terlebih dahulu sebelum menjalankan risikan.

RISIKAN PERNIAGAAN : PERUNCITAN

Survei dalam Perspektif Pasaran



Sekretariat IKM yang terlibat.



Puan Khalidah Khalid dari Koperasi Selangkah Maju Pulau Pinang Berhad mengajukan soalan berkaitan solusi terhadap cabaran yang dihadapi oleh kedai runcit koperasi pada masa kini kepada En. Mohd Roslan.

Beliau turut menerangkan bahawa rantaian nilai dan pembekalan bagi perniagaan peruncitan pada zaman milenium kini dilimpahi dengan data pengguna, pembekalan dan operasi melalui Internet yang dikenali juga sebagai "Big Data". Risikan perniagaan boleh dijalankan melalui lambakan data yang akan ditukarkan dalam bentuk maklumat oleh "Market Intelligence" bagi tujuan penganalisisan, pembangunan strategi dan juga pembuatan keputusan. Justeru,

Kedai fizikal (brick and mortar) pada masa kini wajib mempunyai platform capaian pelanggan secara dalam talian yang kebanyakannya menggunakan media sosial seperti Facebook dan Instagram. Kewujudan perniagaan juga turut diakui melalui keberadaannya di media sosial. Kebanyakan keputusan yang dikeluarkan hasil dari penganalisisan dengan menggunakan "Market Intelligence" adalah penentu kepada capaian pelanggan kepada produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. "We are now entering into industry of 4.0 for supply chains", tekannya lagi.

"Persaingan itu perlu ada untuk sesebuah perniagaan maju, tidak seronok kalau kita seorang je yang ada dalam pasaran...bosan jadinya...kiri kanan tak ada orang..semua orang nak jadi pembeli saja", seloroh Sifu Riswardi Fakirullah dari The Retail's Sifu selaku penceramah utama program yang disambut dengan tawa hadirin. Beliau telah berjaya mengulas strategi risikan peruncitan yang diamalkan oleh pengamal industri dari aspek risikan pesaing, risikan pembekal dan risikan harga. Perkara menarik yang dikongsi oleh beliau adalah Teknik Risikan Gerila yang turut mempengaruhi ekosistem pasaran sedia ada. Penekanan untuk menjalankan risikan perniagaan secara beretika turut ditekankan oleh beliau sepanjang sesi perkongsian berlangsung.



Penyampaian cenderahati kepada Sifu Riswardi Fakirullah oleh Puan Nur Faeza Yahya, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan.

Rumusan program telah dinyatakan secara terperinci oleh ANGKASA Negeri Perak yang merupakan penyelaras bersama bagi Program Bicara Ilmu ini. YBhg.Tn.Hj. Mohd.Rosli Hj.Basri,Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri Perak dalam ucapan perasmian penutupan menegaskan bahawa konsep koperasi yang perlu difahami adalah "Members Owned – Members Produced – Members Consumed". Ia merupakan satu kitaran rantaian nilai (value chain) yang dimiliki dan digunakan oleh anggota sendiri. Ia merupakan kunci kestabilan gerakan. Malang sekali, konsep ini jarang dipraktikkan di kalangan koperasi dan anggotanya. Beliau turut menyatakan bahawa negara ini mempunyai hampir 3,000 koperasi yang terlibat dengan aktiviti perniagaan peruncitan. Malang sekali ada di antara koperasi yang "hidup segan, bertahan untuk tidak mati" kerana anggotanya sendiri yang tidak menyokong perniagaan yang dijalankan oleh koperasi. Sehubungan dengan itu, koperasi perlu mencari jalan untuk mempertingkatkan kesetiaan anggota untuk berterusan melanggan dengan koperasi. Di akhir ucapan, beliau turut mengalau-alukan program sinergi ilmu antara IKM dan ANGKASA Negeri Perak diteruskan demi kebaikan dan kemajuan gerakan.

Kursus Penternakan Arnab Pedaging

“Bermula di Sini : Penternakan Arnab Pedaging”

Nur Fatin Shazwani Ahmad
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Arnab atau nama saintifiknya *Oryctolagus cuniculus* merupakan haiwan mamalia kecil yang banyak terdapat di kawasan Benua Eropah, Amerika dan Australia. Lazimnya, haiwan ini dipelihara sebagai haiwan kesayangan kerana kecomelannya dan bersaiz kecil. Namun kini, selain menjadi haiwan peliharaan, arnab juga amat

sesuai diternak untuk dijadikan makanan kerana sifat dagingnya yang bertekstur lembut dan halus serta kurang lemak. Ketika ini, permintaan daging arnab kian meningkat kerana arnab mempunyai pelbagai khasiat baik untuk kesihatan tubuh badan.

Oleh yang demikian, menyedari potensi yang ada dalam bidang

penternakan arnab pedaging usahawan digalakkan untuk menceburi bidang penternakan arnab pedaging kerana arnab mempunyai potensi dan kelebihan dalam menjana keuntungan. Arnab merupakan haiwan yang mudah diternak, cepat membiak dan membesar serta boleh menghasilkan anak yang banyak pada setiap kelahiran. Bahkan, arnab

Sesi demonstrasi penyediaan Effective Microorganisms (EM).





Gambar kenangan peserta kursus bersama Ketua Pengarah IKM.



Sebahagian peserta tekun mendengar penerangan daripada penceramah En. Mohd Rohaizad bin Md Mokhtar.



Sesi bersama dengan penceramah En. Mohd Fauzi bin Jipri mengenai penyediaan Effective Microorganisms (EM).

mempunyai potensi luas untuk diusahakan kerana terdapat beberapa bahagian lain daripadanya boleh digunakan bagi menjana pendapatan seperti najis, tulang dan kulit.

Permintaan terhadap daging arnab kian bertambah kerana ramai sudah mengetahui tentang khasiat daging arnab. Selain daripada itu, ia boleh menjadi alternatif kepada ayam sebagai makanan eksklusif Malaysia. Dengan lahirnya ramai usahawan yang bergiat aktif dalam penternakan arnab pedaging ini diharap mampu membantu masyarakat dalam mendapatkan pilihan daging arnab yang diyakini halal sekali gus menjadi pengeluar daging arnab dalam tempoh jangka panjang.

Justeru, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sarawak mengambil langkah menganjurkan **Kursus Penternakan Arnab Pedaging Siri 1 “Bermula Di Sini: Penternakan Arnab Pedaging”** pada 26 Julai 2019 bertempat di Ibu Pejabat Wisma Sego, Kampus IKM Zon Sarawak. Kursus ini menarik seramai 15 orang peserta daripada pelbagai koperasi dan individu yang berkecimpung dalam dunia penternakan arnab pedaging dari seluruh negeri Sarawak.

Kursus ini disampaikan oleh En. Mohd Rohaizad bin Haji Md Mokhtar, Pengurus Koperasi Usahawan Arnab Pedaging Selangor Berhad (KoAP) dan En. Fauzi bin Jipri, Pengusaha Baja Kompos dari Ninja Arnab yang berkongsi mengenai potensi perniagaan penternakan arnab pedaging. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai teknik dan cara permulaan penternakan arnab pedaging serta mendedahkan peserta mengenai teknik pemasaran secara *online* dan *offline* arnab pedaging.

Adalah menjadi harapan IKM Zon Sarawak agar penganjuran kursus seperti ini dapat diadakan pada masa akan datang untuk melonjakkan lagi ekonomi koperasi dan usahawan tempatan dalam bidang penternakan arnab pedaging khususnya di negeri Sarawak.

Bicara Ilmu Memperkasa Keusahawanan Sosial melalui Koperasi

Shamsiah Syamsudin
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Bergambar bersama peserta program Bicara Ilmu.

Tn. Hj. Ramlan Kamsin (tiga dari kiri) bergambar bersama barisan penceramah jemputan dan wakil agensi.

Ucapan Perasmian oleh Tn. Hj. Ramlan Kamsin,
Timbalan Ketua Pengarah (Akademik).

Program Bicara Ilmu “Memperkasa Keusahawanan Sosial Melalui Koperasi” telah diadakan di Hotel TH, Kota Kinabalu pada 5 September 2019. Program tersebut merupakan anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah dan telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik). Program ini telah berjaya menarik seramai 139 orang peserta terdiri daripada koperator yang mewakili 45 buah koperasi, usahawan dan agensi sekitar Kota Kinabalu, Putatan, Penampang, Inanam, Tuaran dan Kota Belud.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk mendedahkan koperator tentang peranan koperasi di dalam memperkasa komuniti untuk terlibat dalam keusahawanan sosial serta membudaya dan memartabatkan keusahawanan sosial sebagai salah satu solusi dalam menangani masalah sosial. Selain itu program ini juga merupakan platform untuk mewujudkan rangkaian hubungan koperator dengan komuniti, usahawan dan agensi yang terlibat dalam keusahawanan sosial.



Sesi Pembentangan oleh En. Mohamad Juhari Kadir.



Warga Kerja IKM Zon Sabah bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Pengarah (Akademik).



Sesi Kedua Memperkasa Keusahawanan Sosial Melalui Program *Knowledge Transfer* oleh Dr. Fiffy Hanisdah Saikim.

Program ini bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 1.00 petang dan terbahagi kepada tiga sesi. Sesi pertama merupakan sesi perkongsian pengalaman oleh En. Mohamad Juhari Kadir, Timbalan Pengurus Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (KOPEL) yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk "KOPEL – Pemangkin Pembangunan Keusahawanan Sosial". Matlamat sesi ini adalah untuk memberi inspirasi kepada koperator untuk mencontohi kejayaan KOPEL dalam misi membantu komuniti setempat meningkatkan sosioekonomi dan pada masa yang sama memulihara ekosistem melalui koperasi. Sesi kedua ialah pembentangan kertas kerja yang bertajuk "Memperkasa Keusahawanan Sosial melalui Program *Knowledge Transfer*" oleh Dr. Fiffy Hanisdah Saikim, Pensyarah Kanan Institut Biologi dan Pemuliharaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sesi ini merupakan perkongsian ilmu berkenaan program 'Knowledge Transfer' dalam membantu pembangunan dan kemampanan keusahawanan sosial

dalam koperasi. Sesi terakhir ialah ceramah bertajuk "Keusahawanan Sosial: Ke Arah Melonjakkan Perniagaan Koperasi Secara Inklusif" yang dibentangkan oleh Profesor Madya Dr. Richard Ng, Pengurusi Koperasi Alam Hijau Perak Berhad (KO-HIJAU) yang bertujuan memberi pendedahan tentang keusahawanan sosial dan contoh-contoh keusahawanan sosial yang boleh dijalankan oleh koperasi.

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya mencapai objektif penganjuran di mana peserta yang menghadiri program ini berpuas hati dan berterima kasih dengan pihak Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah atas penganjuran program ini. Program ini juga telah menerima banyak maklum balas positif daripada peserta. Rumusannya, keusahawanan sosial perlu diterapkan ke dalam koperasi bagi membantu melestarikan anggota, komuniti dan alam sekitar. Diharap menerusi program ini, koperasi dapat melonjakkan pendapatan dan secara tidak langsung membina perniagaan yang lestari dan mampan.

PEMASARAN VIRAL

Jana Pendapatan Koperasi melalui YouTube

Siti Nuraini Abu Bakar
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Pemasaran *viral* adalah strategi dan proses penyebaran pesan elektronik yang menjadi saluran untuk menghubungkan informasi sesuatu produk kepada pelanggan atau masyarakat secara meluas dan berkembang dengan pesat. Pemasaran *viral* dalam koperasi sangat penting untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan kerana ia membantu pelanggan untuk mengenali atau mengetahui tentang kewujudan produk koperasi dengan pantas dalam skala besar. Realitinya, kebanyakan koperasi tidak mengetahui teknik yang berkesan dalam pemasaran *viral* sama ada *viral* melalui penulisan, gambar, video dan media sosial seperti saluran YouTube. Akibatnya,

perniagaan koperasi ketinggalan dan koperasi tidak mampu untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di pasaran.

Menyedari hakikat kepentingan pemasaran *viral*, maka Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan (IKMZS) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program Bicara Ilmu Pemasaran Viral: Jana Pendapatan Koperasi melalui YouTube. Program Bicara Ilmu ini telah diadakan pada 19 September 2019 bertempat di Hotel Muar Traders. Objektif Bicara Ilmu ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan pemasaran *viral* dan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai teknik pemasaran *viral* melalui YouTube untuk menjana

pendapatan koperasi. Sambutan daripada para koperator dan usahawan amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 383 orang peserta dari negeri Johor dan Melaka.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) Institut Koperasi Malaysia iaitu Tn. Hj. Ramlan Kamsin. Dalam ucapan perasmian, beliau memaklumkan kepada peserta bahawa Maktab Koperasi Malaysia telah bertukar nama kepada Institut Koperasi Malaysia. Bukan sekadar bertukar nama, tetapi turut memperkasakan peranan IKM sebagai satu-satunya pusat pendidikan dan latihan dalam gerakan koperasi di Malaysia. Beliau juga memaklumkan berkenaan



Sebahagian peserta yang hadir di program Bicara Ilmu.

Dasar Keusahawanan Negara 2030 adalah untuk menjadikan negara kita, negara keusahawanan dan KPI Kementerian Pembangunan Usahawan adalah seiring dengan usaha IKM. Selain itu, beliau juga menerangkan secara ringkas tentang pemasaran digital di Malaysia dan pertumbuhan media sosial terutamanya pemasaran melalui YouTube. Beliau berharap program ini dapat membantu usahawan koperasi mempromosikan produk dan perkhidmatan masing-masing dengan lebih berkesan.

Pengisian program Bicara Ilmu ini melibatkan tiga sesi ceramah; sesi pertama disampaikan oleh En. Hafizal Abu Bakar, *Certified eUsahawan Trainer* tentang perkara asas berkaitan pemasaran digital serta kelebihan pemasaran atas talian. Pembentang juga menunjukkan statistik saluran sosial media paling aktif iaitu saluran YouTube, WhatsApp dan Facebook.

Seterusnya, sesi kedua dan ketiga pula disampaikan oleh En. Mohd Azhar bin Mustaffa, perunding serta pencipta kandungan YouTube Ard Donivia dengan tajuk "Ekonomi Digital dan Saluran Digital dalam Pemasaran Viral serta



Sesi fotografi warga kerja IKMzs bersama Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Tn. Hj. Ramlan bin Kamsin dan penceramah, En. Mohd Azhar bin Mustaffa.

Menjana Pendapatan Koperasi melalui Saluran YouTube". Pelbagai input yang bermanfaat yang telah dikongsi oleh beliau antaranya dalam sesi kedua, pembentang berkongsi langkah pertama untuk memastikan saluran YouTube kita mampu menghasilkan pendapatan adalah dengan mencipta *brand* atau jenama sendiri. Jenama yang dimaksudkan adalah *personal branding* dan ia berfungsi untuk membezakan

antara satu saluran dengan saluran yang lain. Jika dahulu, penjenamaan terletak pada produknya, tapi kini penjenamaan perlu dikuatkan pada personaliti individu. Penjenamaan mampu mempengaruhi keputusan pelanggan dalam membuat pilihan. Penjenamaan yang betul akan mampu menaikkan tanggapan individu terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan. Selain itu, pembentang turut memberi panduan dan tip untuk meningkatkan *viewers* dan *subscribers* saluran YouTube melalui 7C's. 7C yang dimaksudkan ialah *Concept, Content, Creative, Consistent, Community, Current Issue* dan *Collaboration*.

Sebagai kesimpulan, penceramah menekankan tentang kepentingan

jenama sendiri dalam saluran digital untuk menguasai perniagaan pada masa kini. Bagi memastikan saluran YouTube kita adalah saluran digital yang baik, kita perlu memastikan video kita mempunyai kandungan dan isi yang mampu menarik perhatian *subscribers* selain kandungan perlu berfokus dan mempunyai konsep supaya lebih tersusun. Selain itu, kita perlu sentiasa mencari peluang untuk berkolaborasi bersama orang lain seperti selebriti atau *Youtubers* yang lain. Sebagai contoh, setiap koperasi yang mempunyai saluran YouTube boleh berkolaborasi bersama koperasi lain untuk menarik kandungan video serta meningkatkan *subscribers*.

Pembentang juga menegaskan agar kandungan mestilah asli. Kita dilarang untuk memuat turun video orang lain dan kemudian memuat naik ke saluran YouTube kita. Ini menunjukkan betapa pentingnya jenama sendiri dalam saluran digital untuk menguasai perniagaan pada masa kini.

Sehubungan dengan itu, diharapkan melalui program ini dapat memberi pendedahan dan membantu gerakan koperator/usahawan tentang teknik pemasaran *viral* untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan seterusnya dapat meningkatkan hasil pendapatan koperasi.

Penyampaian cenderahati kepada En. Mohd Azhar bin Mustaffa (kanan).



Seminar “Ajaibnya Bisnes: *No Brand No Grand*”

Hjh. Yusnita Othman
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Membina empayar perniagaan dan memiliki jenama yang unggul menjadi impian setiap usahawan. Berlandaskan inspirasi daripada jenama-jenama terkemuka yang diasaskan oleh orang biasa yang mempunyai semangat dan kelebihan luar biasa memberi ilham untuk kita menggandakan usaha bagi meluaskan potensi perniagaan sedia ada mahupun menceburi perniagaan baharu. Ajaibnya bisnes memberi gambaran betapa hebatnya dunia perniagaan untuk diterokai dan betapa lumayannya

pulangan diperoleh jika usahawan memiliki iltizam untuk berjaya di samping kesediaan perniagaan mendepani isu dan cabaran yang berlebar dalam perniagaan.

Bertitik tolak itu, pada 9 hingga 10 Oktober 2019 yang lalu bertempat di Hotel Langkasuka, Langkawi, Kedah, Institut Koperasi Malaysia Zon Utara (IKMZU) telah mengadakan Seminar “Ajaibnya Bisnes: *No Brand No Grand*”. Umumnya, seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan elemen utama dalam bisnes

yakni pemasaran, penjenamaan dan pelanggan. Seminar ini juga menyentuh aspek dasar, paten serta keperluan inovasi dan kreativiti dalam bisnes. Seramai 178 orang peserta dalam kalangan koperator seluruh Malaysia telah menyertai seminar ini.

Menyingkap inti pati seminar, terdapat tiga kertas kerja yang telah dibentangkan oleh para penceramah jemputan. Kertas kerja pertama bertajuk *Gandakan Jualan: Teknik Blend dalam Pemasaran* disampaikan oleh Encik Hussaini bin Zaini,



Sesi Forum Solusi Bisnes dari kiri En. Radhi bin Ahmad (MyIPO), Pn. Wan Roslina binti Wan Abdullah (MED), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus (Moderator) dan En. Muhammad Syafiruddin bin Mustafa (MaGIC).



Puan Noraesyah binti Saari, Pengarah IKM Zon Utara menyampaikan cenderahati kepada penceramah dari SIRIM, En. Fazli Hisahak.

Business Coaching & Advisory, Kasyifah Resources Management. Diikuti dengan pembentangan kertas kerja kedua bertajuk Strategi Pukau Pelanggan oleh Encik Fazli bin Hisahak, *Managing Partner, Little Fresh Trading.* Menyambung sesi pembentangan ialah Encik Sulaiman bin Arshad, Ketua Pegawai Eksekutif dari Pusat Rekabentuk Pembungkusan dan Keselamatan Sirim Bhd dengan kertas kerja bertajuk Kepentingan Jenama dan Trend Teknologi Pembungkusan: From Zero to Export Market. Bersandarkan perkongsian ilmu dan pengalaman oleh ketiga-tiga penceramah ini, para peserta telah mengetahui rahsia di sebalik strategi memenangi persaingan dengan lebih efektif menerusi teknik *blend* dalam pemasaran serta strategi memukau pelanggan. Melengkapkan lagi kelebihan bersaing, koperasi perlu memfokuskan kepada keunggulan

jenama dan kekemasan pembungkusan produk.

Seminar diteruskan dengan sesi forum yang bertemakan Solusi Bisnes yang dikendalikan Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Pengarah Kanan Zon, Institut Koperasi Malaysia. Beliau mengambil peluang ini untuk berkongsi bersama para peserta tentang inisiatif IKM memperkenalkan program MiRiCLE. Mengupas isu yang dibentangkan dalam sesi ini ialah perkongsian informasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 oleh Puan Wan Roslina binti Wan Abdullah, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan dan Pemerksaan Usahawan, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Para peserta turut dihidangkan dengan kupasan menarik mengenai Paten Produk Elak Diciplak oleh Encik Radhi bin Ahmad, Pengarah Cawangan Zon Utara, Perbadanan Harta

Intelek Malaysia (MyIPO) dan *Start Up* Bisnes menerusi Kreativiti dan Inovasi oleh Encik Muhammad Syafiruddin bin Mustafa, *Content & Editorial Executive, Malaysia Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC).*

Mengakhiri seminar ini adalah ucapan perasmian penutup oleh Yang Berbahagia Tn. Hj. Ramlan bin Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik). Dalam ucapan beliau menekankan bahawa IKM akan sentiasa memainkan peranannya sebagai sebuah institusi latihan yang menjadi pilihan dan sumber rujukan utama koperasi. Menerusi pelbagai pendekatan IKM yang menyejahterakan koperasi dapat memberi impak positif kepada penjanaan pendapatan koperasi. Justeru, penganjuran seminar ini diharap dapat memberi inspirasi dan suntikan baharu dalam bisnes koperasi agar kelangsungan bisnes koperasi dalam pasaran dapat terus dikekalkan.



Bijak Melabur dalam Pasaran Modal

Julizah Sabtu
Pusat Kewangan dan Akaun

Pusat Kewangan dan Akaun, Institut Koperasi Malaysia (IKM) buat julung kalinya telah mengadakan kursus bijak melabur khususnya dalam pasaran modal bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada koperator akan peluang-peluang yang boleh diterokai bagi meningkatkan pendapatan koperasi. Ia telah diadakan selama dua hari bermula pada 8 hingga 9 Julai 2019 di IKM, PJ. Tenaga pengajar yang berpengalaman melebihi 30 tahun dalam pelaburan pasaran modal dan merupakan ALK Koperasi Remiser Bumiputera Bhd, Tn. Hj. Nazzary Rosli dijemput

memberikan ceramah selama dua hari tersebut. Seramai 25 orang ALK koperasi telah menghadiri kursus ini.

Info menarik dalam kursus ini adalah berkaitan lima langkah yang perlu dititikberatkan oleh ALK sebelum mengambil keputusan untuk melabur dalam pasaran modal. Ia kerana untuk mengelakkan koperasi tidak mudah ditipu penyelewangan wang dan lain-lain oleh pihak luar. Antara perkara-perkara yang perlu dititikberatkan oleh ALK adalah:



Rajah 1: Panduan pelaburan dalam pasaran modal



Sesi analisis teknikal oleh penceramah,
Tn. Hj. Nazzary Rosli.



Sesi fotografi peserta bersama penceramah.



Peserta bersama ALK KOLONEK.



Pintu gerbang Homestay Lonek Jempol.

Kursus *Rail Tourism* (Kedah - Negeri Sembilan)

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Sesi bergambar peserta bersama Pengarah Zon Utara.

Sektor pelancongan merupakan sektor yang kian berkembang dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Selaras dengan perkembangan ini, Institut Koperasi Malaysia Zon Utara telah menganjurkan Kursus Penyediaan Paket Pelancongan "Rail Tourism" dari Alor Setar, Kedah ke Negeri Sembilan pada 22 hingga 25 Julai 2019. Kursus ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada koperasi konsep dan jenis paket pelancongan *Rail Tourism* serta menerangkan kaedah penyediaan paket pelancongan *Rail Tourism*. Kursus ini melibatkan kerjasama dengan Ad Deeni Travel & Tours Sdn. Bhd. dan disertai oleh dua orang pegawai iaitu Pn. Norafidah Ismail, Cik Nur Shuhada Mohd Ali serta Pengarah Zon, Pn. Noraesyah Saari.



Peserta menaiki Electric Train Service (ETS).



Tiba di KL Sentral.

Pada hari pertama, peserta diberi taklimat dalam kelas tentang pengenalan pelancongan dalam negara dan jenis-jenis pakej pelancongan. Pada hari kedua, peserta menaiki ETS dari Stesen Keretapi Alor Setar ke KL Sentral dan menaiki bas untuk bertolak ke Port Dickson, Negeri Sembilan. Lawatan pertama peserta adalah di Blue Lagoon, Tanjung Tuan sambil melihat keindahan pantai Port Dickson serta menikmati panorama *sunset*.

Hari ketiga lawatan diteruskan ke tempat bersejarah seperti Muzium Tentera, Port Dickson, Istana Seri Menanti, Kuala Pilah, Teratak Zaaba, Jempol dan Tapak Megalitik, Kuala Pilah. Seterusnya, kami ke Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad (KOLONEK) untuk menginap di *chalet* KOLONEK. Pada sebelah malam peserta menikmati makan malam sambil melihat persembahan Bongai dan mendengar taklimat KOLONEK.

Aktiviti hari terakhir adalah demonstrasi dodol, mengemping padi, lawatan Kampung Lonek dan pembentangan pelan tindakan oleh peserta. Seterusnya, peserta bertolak ke KL Sentral dengan menaiki bas dan bertolak pulang ke Alor Setar, Kedah dengan menaiki ETS. Melalui kursus ini, peserta dapat belajar adat dan budaya yang unik oleh masyarakat setempat serta merasai pengembaraan menaiki kereta api dan menjalinkan kerjasama bagi membuat pakej pelancongan sendiri pada masa akan datang.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat reaksi yang positif daripada para peserta dan telah mencapai objektifnya. Kursus ini telah berjaya memberi pendedahan berkenaan konsep dan jenis pakej pelancongan *Rail Tourism* serta memberikan panduan kepada para koperasi untuk mempertingkatkan koperasi dalam merebut peluang dalam sektor pelancongan demi memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia. Kursus *Rail Tourism* ini pastinya akan menjadi satu pengalaman yang akan dihargai oleh setiap peserta.



Aktiviti demo dodol dan mengemping padi.



Peserta menaiki trem KOLONEK.

Tingkatkan Pendapatan Perniagaan dengan Pensijilan Halal

Muhammad Afnan Hasim
Pusat Pengurusan Perniagaan



Perasmian Seminar oleh YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan.



Para peserta seminar berkesempatan bergambar kenangan bersama YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli serta tetamu kehormat yang hadir.

Pada 31 Julai hingga 01 Ogos 2019 yang lalu, telah berlangsung satu seminar bertajuk "Tingkatkan Pendapatan Perniagaan dengan Pensijilan Halal" bertempat di Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan anjuran Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP), Institut Koperasi Malaysia (IKM).

Majlis perasmian Seminar ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan. Program ini telah dihadiri oleh seramai 180 orang peserta dari Seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan pegawai-pegawai agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan koperasi, anggota-anggota koperasi dan usahawan yang berminat.

Objektif program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pentingnya produk dan perkhidmatan untuk mendapatkan pengiktirafan halal dan bagi mengenal pasti keperluan, prosedur dan proses untuk mendapatkan pensijilan halal serta peluang industri halal.

Seminar pada kali ini juga menampilkan kelainan, di mana selain peserta dapat mendengar sesi ceramah dan perkongsian pengalaman, para peserta juga turut berpeluang untuk mendapatkan informasi berkaitan industri

halal. Turut dimeriahkan lagi dengan jualan produk halal dari koperasi dan usahawan yang hadir.

Sebanyak 12 booth telah dibuka sepanjang berlangsungnya seminar ini antaranya seperti :

Bil	Nama Koperasi / Organisasi	Jenis Pameran
1	Koperasi Ekonomi Wanita Islam Larut Matang Bhd	Kerepek
2	Koperasi Usahawan Groom Big Negeri Sembilan Bhd	Biskut
3	Koperasi Peniaga dan Penjaja Daerah Kerian Bhd	Kerepek
4	Koperasi Amanah Ikhtiar Malaysia Bhd	Produk makanan dan minuman
5	Koperasi Jaya Diri Bhd	Noodle dan kuetiau segera
6	Koperasi Kakitangan Petronas Bhd	Agensi pelancongan
7	Al Khair Venture Sdn Bhd	Air minuman botani dan kordial
8	Maaz Susu Johor	Susu Kambing
9	Gaya Warisan Sdn Bhd	Tekstil
10	Pembangunan Sumber Manusia Melaka/Negeri Sembilan	Pameran info agensi
11	Institut Koperasi Malaysia	Pameran info agensi
12	ANGKASA	Jualan produk 100 Best Champion

Pada hari pertama, sesi pertama seminar ini telah dimulakan dengan tajuk "Terokai Pasaran Halal, Suatu Peluang Bisnes" yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Abd Malik Musharbat daripada Global Halal Malaysia Consumers & Traders Association. Pengalaman beliau terutama dalam bidang halal cukup luas selain banyak terlibat dengan program-program di dalam dan luar negara yang berkaitan dengan pensijilan halal.

Sesi kedua diteruskan lagi dengan tajuk "Proses dan Prosedur Standard Pensijilan Halal Malaysia" yang telah disampaikan oleh Cik Roshayati Mat Zin daripada Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Beliau menekankan kepada para peserta akan aspek ketelitian dan mematuhi setiap proses yang terlibat bagi memohon sijil halal.

Program diteruskan lagi pada hari kedua menerusi sesi perkongsian yang menampilkan penceramah atau koperasi yang telah berjaya memperoleh sijil halal serta impaknya setelah memperoleh sijil halal tersebut kepada perniagaan. Sesi ini

telah disampaikan oleh En. Ashok Kamal Arafat, Pengurus Koperasi Kakitangan Bernas Berhad dan En. Muhamad Nazri Yahya, Pengurus Koperasi Usahawan Groom Big Negeri Sembilan Berhad dan moderator bagi sesi ini ialah Pn. Nur Faezah Yahya, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP), IKM.

Pada sesi yang terakhir, sesi forum telah diadakan dengan tajuk "Peranan Agensi dalam Memperkasakan Pasaran Halal", menampilkan tiga panel yang terdiri daripada pelbagai latar belakang berbeza dalam industri halal iaitu, En. Mohamad Romzi Sulaiman, Pengurus Kanan, Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), En. Khairul Nizam Moonier, Timbalan Pengarah, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), dan YBhg. En. Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp.) dan moderator bagi sesi forum ini adalah Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan, IKM.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab telah diadakan bersama peserta yang dikendalikan oleh Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli, Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan, IKM bagi mendapatkan penjelasan dengan lebih terperinci berkenaan isu-isu pensijilan Halal serta peluang-peluang yang boleh diambil oleh koperasi dan usahawan.

Secara keseluruhannya, Seminar "Tingkatkan Pendapatan Perniagaan dengan Pensijilan Halal" ini telah mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta dan telah mencapai objektifnya. Program ini telah berjaya memberikan pendedahan berkenaan isu-isu pensijilan halal dan potensinya kepada para peserta secara lebih mendalam. Program ini juga telah berjaya memberikan panduan kepada peserta tentang prosedur dan permohonan sijil halal yang betul dan tepat seterusnya membolehkan para peserta menggunakan ilmu tersebut bagi diaplikasikan dalam perniagaan masing-masing.




ANGKASA juga tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama menyertai program ini dengan membuka gerai jualan produk koperasi.



Kopetro Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Agensi HRDF juga hadir bagi memeriahkan lagi program seminar halal pada kali ini.



YBhg. Prof. Datuk Dr. Abd Malek Musharbat sewaktu menyampaikan ceramah.



Semasa sesi forum.

MED
COOPRENEUR
CARNIVAL 2019

08 - 10/11/2019



MINI KARNIVAL
KEUSAHAWANAN
KOPERASI

16/11/2019



PASAR COOP &
KEUSAHAWANAN
KOPERASI ZON
UTARA

23 - 24/11/2019



SEMINAR PENYELIDIKAN
2019 "MEMACU
KECEMERLANGAN
KOPERASI MELALUI
 PENYELIDIKAN BERIMPAK
TINGGI"

12 - 13/12/2019



SEMINAR
MENEROKA POTENSI
KOPERASI MELALUI
KEUSAHAWANAN
SOSIAL (SE)

02 - 03/12/2019






Sijil Profesional Setiausaha Koperasi

Rina Fairuz Jahya

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah



Pada 15-26 Julai 2019 yang lalu, Zon Tengah dan Pembangunan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Petaling Jaya telah menganjurkan program Sijil Profesional Setiausaha Koperasi khas untuk setiausaha koperasi berdaftar di Malaysia. Bertempat di Bilik Kuliah Bunga Raya, seramai 36 orang setiausaha koperasi telah menghadiri program ini selama 10 hari.

Program sijil ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kompetensi setiausaha koperasi serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi setiausaha koperasi yang berkualiti. Antara pengisian yang terkandung dalam

program sijil kali ini pembentukan imej etiket dan komunikasi setiausaha koperasi, urusan mesyuarat berkaitan koperasi, urusan dokumen statutori dan dokumen lain, pengukuhan integriti dan tadbir urus setiausaha, peranan dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR), keseimbangan antara profesionalisme dan prestasi dan memandu ke arah pematuhan Akta Kerja 1955 dan undang-undang berkaitan.

Bukan aspek teori semata-mata, namun aspek praktikal juga ada diterapkan dalam program ini. Dua lawatan industri telah diadakan khas untuk peserta iaitu lawatan ke Koperasi Kakitangan Nippon Electric Glass Berhad dan Koperasi Kakitangan Universiti

Kebangsaan Malaysia (UNIKEB). Peserta amat gembira dan teruja tatkala lawatan industri ini dibuat kerana mereka dapat melihat dan belajar daripada perkongsian pengalaman setiausaha yang sebenar.

Sebagai kemuncak program, peserta telah menduduki peperiksaan bagi menguji sejauh mana kefahaman mereka berkenaan dengan tugas kesetiausahaan dan telah mendapat markah yang tinggi dan lulus dengan cemerlang. Pihak Zon Tengah dan Pembangunan Koperasi berharap agar segala ilmu dan pendedahan yang diberikan dapat sedikit sebanyak membantu para peserta menjalankan tugas-tugas setiausaha dengan lebih berintegriti dan berkompetensi.



Para peserta bergambar kenangan.



Kursus Persediaan Koperasi dalam Bisnes Spa

Norawati Ngatmin
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Peserta kursus semasa lawatan.



Lawatan ke Chi The SPA At Shangri La Tg. Aru Hotel.

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menganjurkan kursus Persediaan Koperasi dalam Bisnes Spa di Kota Kinabalu, Sabah. Kursus ini berlangsung selama tiga hari iaitu pada 05 hingga 07 Ogos 2019. Seramai 23 orang peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota-anggota koperasi dan individu berminat daripada Sabah dan Sarawak menyertai kursus ini. Kursus ini dikendalikan oleh Pn. Norawati Ngatmin sebagai penyelaras dan fasilitator. Perkongsian pengalaman daripada pemain industri perniagaan Spa sebenar iaitu Pn. Nur Farahin Baqis Abdullah, Pemilik Syarikat Lembah Impian Spa & Beauty Sdn. Bhd. dan Pn. Alyssa K. Angian pemilik Inner Peace SPA Consultancy & Academy.



Pembentangan pelan tindakan.



Penyampaian sijil dari Inner Peace Spa.



Peserta kursus ketika sesi ceramah di IKM.



Peserta kursus ketika sesi ceramah di IKM.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman & pengetahuan tentang potensi perniagaan Spa dan memberi pendedahan berkaitan persediaan koperasi untuk membuka perniagaan Spa. Kursus ini telah mendapat kerjasama dan komitmen yang baik daripada semua peserta. Di samping itu, peserta juga dapat merasai pengalaman sebenar dalam menjalankan aktiviti perniagaan Spa sebenar ketika melawat perniagaan Spa bertaraf lima bintang iaitu Chi The SPA di Hotel Shangri La Tanjung Aru. Selain itu, antara pengisian aktiviti selain sesi ceramah para peserta dapat melakukan aktiviti praktikal dalam teknik urutan muka, kaki dan urutan Malaysia.

Para peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap inti pati program ini dan bersungguh-sungguh untuk menjalankan perniagaan terapi Spa apabila balik ke koperasi masing-masing bagi membantu meningkatkan ekonomi koperasi dan secara tidak langsung dapat membantu komuniti setempat. Justeru, menjalankan perkhidmatan terapi Spa pastinya membawa pulangan ekonomi kepada koperasi yang terlibat menceburि bidang ini.



Peserta menerima sijil dari Lembah Impian Spa.



Peserta menerima sijil dari IKM & Inner Peace Spa.

Pengurusan Perniagaan Homestay

di Homestay Sedim, Kulim Kedah

Norhayati Abdul Rahman
Pejabat Pengarah Kanan (Strategi)



Peserta Kursus Pengurusan Perniagaan Homestay bergambar kenangan selepas acara penutup kursus bersama keluarga angkat.

Pada 24 hingga 26 September 2019 yang lalu, telah berlangsung kursus "Pengurusan Perniagaan Homestay" anjuran Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Institut Koperasi Malaysia (IKM) di Koperasi Homestay Pembangunan Mukim Sedim, Sedim Kulim Berhad, Kedah. Program ini dihadiri oleh 44 orang peserta daripada seluruh semenanjung Malaysia. Program ini dikendalikan oleh Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK), IKM bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).



Peserta bergambar di kawasan Air Terjun Hutan Lipur Sedim.



Peserta bergambar di Tree Top Walk (laluan jambatan gantung besi terpanjang di dunia ~ 950 meter panjang yang berada pada ketinggian 50 meter dari tanah).



Peserta bersedia untuk aktiviti *water rafting* di Sungai Sedim yang merupakan jeram terbaik di Malaysia dan mempunyai arus terderas di dunia.



Aktiviti mempelajari seni kraftangan bunga yang dihasilkan dari beg plastik.



Setiap peserta diwajibkan untuk melakukan *water confident* (terjun ke dalam jeram) sebelum aktiviti *water rafting* dan *water tubing*.



Bergambar kenangan sebelum bertolak pulang.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menguruskan perniagaan homestay. Kursus Pengurusan Perniagaan Homestay merupakan kursus lanjutan di mana peserta akan merasai pengalaman tinggal di homestay bersama keluarga angkat dan menyertai aktiviti homestay yang ditawarkan. Program homestay merupakan aktiviti perniagaan di dalam industri pelancongan di Malaysia.

Pada hari pertama kursus, peserta diserahkan kepada keluarga angkat untuk menginap di rumah keluarga angkat. Beberapa aktiviti lasak, warisan kebudayaan dan keunikan kampung dihidangkan dalam program ini seperti Tree Top Walk, jungle trekking, lawatan ke kolam ikan tilapia gunung, ternakan kelulut dan arnab, *water rafting*, *water tubing*, mempelajari seni kraftangan, *indoor games*, senamrobik dan aktiviti rewang amali masakan kampung bersama keluarga angkat dan komuniti kampung Sg. Buloh, Sedim.

Sepanjang kursus ini berlangsung, peserta telah merasai sendiri aktiviti homestay dan tinggal bersama keluarga angkat. Aktiviti yang dijalankan ini akan memudahkan peserta untuk menawarkan dan menjual pakej homestay kepada pelanggan berdasarkan pengalaman yang dirasai sendiri di Homestay Sedim.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah membuka minda para koperator bahawa aktiviti homestay mampu menjana pendapatan koperasi termasuk anggota-anggota koperasi. Oleh yang demikian, IKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.

Lawatan Ketua Pengarah IKM ke Koperasi Zon Timur (Terengganu dan Pahang)

Malesa Shela Ta'yib
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Barisan delegasi IKM bergambar bersama ALK Koperasi Rukun Tetangga Telaga Batin Terengganu Bhd.



Bergambar bersama ALK KOIST.



Delegasi IKM bergambar bersama barisan ALK KOBI.

Kesungguhan Ketua Pengarah IKM, YBhg. Tn. Hj Ariffin Mamat dalam mengenali dan menyelami gerakan koperasi di Malaysia khususnya gerakan koperasi di pantai timur harus diberi pujian. Dalam kesibukan dan kekangan masa, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur sempat merangka satu lawatan kerja Ketua Pengarah IKM ke koperasi-koperasi di negeri Terengganu dan juga Pahang. Lawatan kerja ini juga adalah bersempena kehadiran ketua pengarah bagi menyampaikan ceramah beliau serta merasmikan program *Coffee Talk* yang berlangsung pada 7 Julai 2019 di Hotel Permai, Kuala Terengganu. Lawatan kerja yang bermula sehari sebelum program *Coffee Talk* iaitu pada 6 Julai 2019 telah bersambung dan berakhir di negeri Pahang pada 9 Julai 2019. Sebanyak sembilan buah koperasi yang telah dilawati oleh delegasi IKM dan IKM Zon Timur.



Bersama barisan ALK Koperasi Kakitangan Istana Terengganu Bhd.



KP bergambar bersama ALK Kop. SM Imtiaz YT Kuala Terengganu Bhd.



Melawat salah satu kedai menjual produk koperasi dan barang halal di KOBI.

Bil.	Nama Koperasi	Negeri	Tarikh
1	Koperasi Rukun Tetangga Telaga Batin Terengganu Berhad	Terengganu	6 Julai 2019
2	Koperasi Dr Rais Group Berhad	Terengganu	7 Julai 2019
3	Koperasi Homestay Kg. Teluk Ketapang Berhad	Terengganu	7 Julai 2019
4	Koperasi SM Imtiaz YT Kuala Terengganu Berhad	Terengganu	8 Julai 2019
5	Koperasi Kakitangan Istana Terengganu Berhad (KOIST)	Terengganu	8 Julai 2019
6	Koperasi Desa Alor Limbat Marang Berhad	Terengganu	8 Julai 2019
7	Koperasi Bimbingan Insan Pahang Berhad (KOBI)	Pahang	9 Julai 2019
8	Koperasi Kakitangan Majlis Perbandaran Temerloh Berhad	Pahang	9 Julai 2019
9	Koperasi Kuala Tahan Taman Negara Jerantut Pahang Berhad	Pahang	9 Julai 2019



Melawat tapak kawasan yang bakal dibangunkan sebagai chalet koperasi.

Tujuan utama program lawatan kerja ketua pengarah dan delegasi ke koperasi adalah bagi melihat sendiri dengan lebih dekat aktiviti koperasi serta mendengar permasalahan di dalam koperasi jika ada, serta beramah mesra dengan warga koperasi. Sepanjang lawatan ini, delegasi IKM telah diberi gambaran yang jelas mengenai kisah perjalanan sesebuah koperasi serta melihat sendiri aktiviti perniagaan koperasi dan pengurusannya. Melalui lawatan kerja ini juga ketua pengarah turut berkongsi pandangan dan saranan kepada koperasi bagi meningkatkan kemahiran pengurusan

dan pentadbiran yang berkesan agar matlamat untuk memperoleh keuntungan daripada perniagaan yang diceburi oleh koperasi tercapai. Beliau turut mempelawa koperasi-koperasi yang berpotensi serta berminat untuk menyertai program MiRiCLe yang dianjurkan oleh IKM sepanjang tahun ini.

Secara keseluruhannya, warga koperasi di pantai timur menyambut baik inisiatif lawatan kerja atau turun padang yang dilakukan oleh IKM. Mereka sentiasa berharap hubungan yang baik antara IKM dan koperasi sentiasa terjalin dan IKM akan sentiasa cakna dengan koperasi mereka.



Memorandum Persefahaman (MoU) Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan Bank Rakyat

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Pejabat Pengarah Kanan (Zon)

Kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) telah dimeterai melalui satu pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung pada 29 Ogos 2019 di Minggu Usahawan Nasional bertempat di MAEPS, Serdang. Pihak IKM diwakili oleh Ketua Pengarah, YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat manakala Bank Rakyat diwakili oleh Pemangku Pengarah Urusan Bank Rakyat, YBhg. Datuk Rosman Mohamed. Tujuan utama MoU ini adalah untuk memberi pembiayaan kepada koperasi Million Ringgit Coop League (MiRiCLE).

Objektif pembiayaan ini adalah untuk memberi peluang koperasi mengembang dan mempelbagaikan perniagaan. Selain itu, pembiayaan tersebut diharap dapat meningkatkan kecekapan dan efektif pengurusan perniagaan koperasi melalui pembinaan kapasiti. Pembiayaan turut dilihat akan memberi sokongan kewangan

kepada koperasi yang berkelayakan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan mereka menjalankan perniagaan.

Antara sektor yang mendapat pembiayaan daripada Bank Rakyat adalah Pemborongan dan Peruncitan, Hartanah dan Pembinaan, Pelancongan dan Penjagaan Diri, Perladangan dan Asas Tani, dan Perkhidmatan. Jenis pembiayaan yang ditawarkan pula adalah seperti berikut:

- Working Capital-i (Term Financing-i)
- Cash Line-i
- Machineries and Equipment (Term Financing-i)
- Vehicle Financing-i
- Bank Guarantee-i
- Property Financing-i

Kesemua permohonan pembiayaan hendaklah dihantar ke IKM Zon dan kemudiannya dihantar ke Pejabat Pengarah Kanan Zon untuk sokongan sebelum kelulusan daripada pihak Bank Rakyat.

Koperasi yang berpotensi boleh mendapatkan pembiayaan minimum RM20,000 dan maksimum sehingga RM500,000 pada kadar faedah yang kompetitif jika memenuhi syarat yang ditetapkan. Usahawan-usahawan tempatan yang bernaung di bawah koperasi kluster mikro, kecil dan sederhana bakal menerima manfaat hasil kerjasama yang terjalin ini. Selain pembiayaan, koperasi yang dikenal pasti memiliki potensi ini akan mendapat manfaat bimbingan dan latihan mengikut keperluan serta permintaan sewaktu mengikuti program MiRiCLE. Jumlah peruntukan RM500 juta oleh Bank Rakyat untuk tempoh 10 tahun ini akan menjadikan koperasi sebagai platform terbaik untuk membantu menangani permasalahan ekonomi dan sosial negara. Pembiayaan ini juga diharap akan dapat membantu koperasi melonjakkan prestasi dan mengembangkan perniagaan mereka.

Lawatan Kerja Delegasi France's Low Cost Housing Co-operative ke Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)

R.Zarinatin Mohd Abdul Kader
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



Sewaktu sesi perbincangan.



Wakil - wakil yang hadir dari IKM, SKM dan ANGKASA.

Satu lawatan kerja ke Malaysia telah diadakan pada 24 Oktober 2019 yang lalu. Seramai 29 orang delegasi dari koperasi Perancis khususnya dalam sektor perumahan telah terlibat dalam lawatan ini. Ia adalah rentetan lawatan hormat daripada TYT Frederic Laplanche, Duta Besar Perancis ke Malaysia. Beliau telah mengadakan kunjungan hormat pada 6 Ogos 2019 di Pejabat YB Menteri Pembangunan Usahawan. Lawatan kerja ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pasaran perumahan mampu milik Malaysia dan perbincangan untuk mengadakan kerjasama dalam sektor perumahan. Di samping itu, delegasi Perancis bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka dalam sektor perumahan yang mampu dimiliki yang diamalkan di Perancis.

Perbincangan dua hala ini telah dipengerusikan oleh Pn. June Suhaila Saran, Pengarah, Seksyen Pematuhan dan Kawal Selia Koperasi, Bahagian Pembangunan Koperasi, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Antara agensi yang hadir ialah Institut Koperasi Malaysia (IKM), Suruhanjaya Koperasi

Malaysia (SKM), ANGKASA, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPPT) dan koperasi. Sesi perbincangan dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan sesi suai kenal antara kedua dua belah pihak. Acara seterusnya ialah penyampaian taklimat oleh **Pn. June Suhaila Saran**, Pengarah Seksyen Pematuhan dan Kawal Selia Koperasi, Bahagian Pembangunan Koperasi, MED bertajuk "Pengenalan MED" dan diikuti dengan tiga taklimat yang disampaikan oleh **En. Murali Jayabalan**, Pengarah Pengurusan Perumahan wakil daripada KPPT bertajuk *National Housing Policy 2018-2025*, wakil pembentang daripada SKM ialah **En. Umar Sarim Saidin**, Pengarah Dasar dan Perancangan Pembangunan taklimat bertajuk "*Overview of the current and future Malaysia Cooperative development in housing sector*" pembentang daripada Angkasa iaitu **Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali Hasan**, Naib Presiden ANGKASA bertajuk "*Co-operative development in housing sector in Malaysia*".

Program diteruskan dengan sesi soal jawab perbincangan berkaitan polisi dan syarat yang perlu dipatuhi oleh

rakyat negara masing-masing dalam isu perumahan mampu milik serta pandangan pihak kerajaan dalam mengatasi masalah rakyat yang tidak berkemampuan memiliki rumah. Sesi seterusnya bagi program pada hari tersebut diakhiri dengan pertukaran cenderahati daripada kedua-dua pihak diikuti dengan MED, IKM, ANGKASA dan SKM.

Secara kesimpulannya, lawatan selama setengah hari delegasi Perancis ke MED ini telah menampakkan kesungguhan pihak Koperasi Perancis untuk mengetahui dengan lebih dekat berkaitan konsep perumahan mampu milik yang diamalkan di Malaysia dan konsep yang digunakan oleh koperasi sektor perumahan di Malaysia. Keterujaan mereka begitu ketara apabila mendengar taklimat daripada SKM berkaitan kejayaan koperasi di Malaysia seperti Koperasi Tunas Muda mampu memberi sebuah rumah kepada anggota koperasi secara percuma. Perkongsian pengalaman bagi kedua-dua pihak dalam perumahan mampu milik telah memberi impak positif kepada gerakan koperasi di kedua-dua buah negara dalam pelbagai aspek khususnya sektor perumahan.

Lawatan Delegasi Kementerian Tenaga (Tenaga & Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Brunei Ke Institut Koperasi Malaysia

Nur Syazwani Zainul Abidin
Pusat Pembangunan Koperasi

Pada 27 Mac 2019, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menerima kunjungan seramai tiga delegasi daripada Unit Pembangunan Koperasi, Kementerian Tenaga (Tenaga & Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Brunei yang diketuai oleh YM Dayang Hajah Tutiaty Hj Abdul Wahab, Timbalan Setiausaha Tetap dan diiringi oleh pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Lawatan ini telah disambut oleh Cik Sharina Abdullah, Pengarah Kanan

IKM, dan pegawai Pusat Antarabangsa & Kolaborasi.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau potensi kerjasama dengan IKM pada masa akan datang serta mengukuhkan hubungan persefahaman di antara IKM dan Kementerian Tenaga & Perindustrian Brunei. Sesi lawatan tersebut dimulakan dengan ucapan aluan oleh Cik Sharina Abdullah dan diikuti dengan penerangan mengenai fungsi, peranan, proses transformasi dan hala tuju IKM. Para delegasi juga

turut didedahkan mengenai senario koperasi di Malaysia serta penerangan lanjut mengenai kajian keperluan latihan, proses pembangunan silibus dan program latihan yang dijalankan IKM. Turut diadakan adalah sesi soal jawab serta perbincangan bentuk kerjasama yang boleh dijalankan di antara kedua-dua pihak. Selesai sesi soal jawab, para delegasi telah dibawa melawat sekitar IKM untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kemudahan yang terdapat di IKM.



Sesi taklimat yang disampaikan oleh Cik Sharina Abdullah selaku wakil IKM.



Delegasi Brunei bergambar bersama Cik Sharina Abdullah serta Pegawai-pegawai daripada SKM.



Penyampaian cenderahati daripada ketua delegasi YM Dayang Hajah Tutiaty kepada Cik Sharina Abdullah.



Delegasi bergambar bersama YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM semasa lawatan di sekitar IKM.

Lawatan Delegasi Ministry of Agriculture & Forestry LAO PDR, ke Institut Koperasi Malaysia

Nur Syazwani Zainul Abidin
Pusat Pembangunan Koperasi



En. Mohd Roslan sedang memberi taklimat kepada delegasi Laos.



Penyampaian cenderahati daripada ketua delegasi Mr. Rasabandith kepada En. Mohd Roslan.



Delegasi Laos bersama En. Mohd Roslan, Pn Nasibah serta wakil daripada ANGKASA.

Pada 8 April 2019, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menerima kunjungan seramai 18 delegasi daripada Ministry of Agriculture & Forestry yang terdiri daripada Nabong University, Bank of Lao dan Deutscher Genossenschafts- und Raiffeisenverband (DGRV), diketuai oleh Mr. Rasabandith, Pengarah bahagian koperasi dan promosi. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan IKM sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi selain meninjau potensi kerjasama dengan IKM pada masa akan datang.

Lawatan ini telah disambut oleh En. Mohd Roslan Bani Amin, Ketua Sektor IKM, Puan Nasibah Ahmad, Pengarah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi dan pegawai-pegawai IKM. Lawatan ini dimulakan dengan ucapan aluan En. Mohd Roslan dan diikuti dengan tayangan video korporat IKM serta penerangan mengenai

fungsi, peranan, proses transformasi 2019 dan hala tuju IKM. Para delegasi juga turut didedahkan tentang senario koperasi di Malaysia serta penerangan lanjut mengenai kajian keperluan latihan, proses pembangunan silibus dan program latihan yang dijalankan serta sesi soal jawab pada akhir perbincangan.

Secara umumnya di Laos, koperasi pertanian pertama ditubuhkan pada 1975 oleh petani-petani ketika kemunculan Demokrat Rakyat Lao Republik yang dipimpin oleh kerajaan Laos. Matlamat utama koperasi pertanian ini ditubuhkan bagi meningkatkan kecekapan sumber makanan di seluruh negara Laos. Bilangan koperasi mula meningkat tiga kali ganda antara tahun 1978 hingga 1985 sehingga menjadi terlalu besar dan akhirnya menghadapi masalah dalam mengekalkan kecekapan pengurusan serta berlaku penyalahgunaan dalam

koperasi. Pada akhir 1980an, koperasi telah digantikan dengan "House hold Economic Production Units". Sehingga kini, Ministry of Agriculture & Forestry yang merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam menghidupkan semula koperasi di Laos telah mula menjalankan hubungan serta mengadakan lawatan di sekitar negara ASEAN bagi meningkatkan pengetahuan dalam koperasi. Dalam usaha ini, Ministry of Agriculture & Forestry telah dibantu oleh wakil daripada Deutscher Genossenschafts- und Raiffeisenverband (DGRV), Jerman iaitu Mr. Holges Grages dan Ms. Ines Feismann.

Selesai program lawatan tersebut, pihak delegasi mengucapkan ribuan terima kasih kepada IKM di atas perkongsian maklumat yang dapat dikongsikan kepada ahli-ahli delegasi Laos.



Pegawai yang terlibat dengan Bengkel Analisa Khidmat Perundingan Siri 1.

Bengkel Analisa Khidmat Perundingan MiRiCLE

Norsyeirawani Shari
Pejabat Pengarah Kanan (Zon)



Peserta mendengar pembentangan dari zon-zon bagi koperasi yang berpotensi.

Million Ringgit Coop League atau lebih dikenali sebagai MiRiCLE merupakan salah satu inisiatif Institut Koperasi Malaysia (IKM) dalam membantu koperasi kluster kecil berpotensi yang berpendapatan di antara RM200 ribu sehingga RM1 juta dan koperasi kluster sederhana berpotensi yang berpendapatan melebihi RM1 juta sehingga RM5 juta membangun dengan lebih terancang melalui tawaran nilai sebagai rakan solusi strategik koperasi.



Sesi percambahan idea dan perkongsian maklumat.



Pembentangan koperasi berpotensi MiRiCLE dari zon - zon.

Mula diperkenalkan pada tahun 2019, sebanyak 200 buah koperasi yang berpotensi telah dikenal pasti untuk menyertai program ini. Program turun padang MiRiCLE telah mula dijalankan oleh IKM Zon Utara pada 31 Mac 2019 dan IKM Zon Selatan pada bulan April bersempena program Coffee Talk dengan tajuk "Koperasi Berjaya: Cipta Nilai, Jana Pendapatan" (Join The Million Ringgit Coop) oleh YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM diikuti dengan IKM Zon Sabah, Sarawak, Tengah dan Timur. Program turun padang ini adalah untuk mendapatkan input profil koperasi dan mengenal pasti kesanggupan (willingness), kesediaan (readyness) dan keperluan koperasi khususnya untuk berkembang.

Sehingga 31 Mei 2019, sebanyak 58 buah koperasi yang berpotensi di seluruh Malaysia telah dilawati oleh zon-zon dengan purata lapan buah koperasi setiap zon bagi mendapatkan maklumat serta data kewangan koperasi selain mengenal pasti kemauan dan kesediaan koperasi dalam program ini.

Bengkel Analisa Khidmat Perundingan yang telah diadakan pada 17-18 Jun 2019 melibatkan seramai 49 orang pegawai IKM, dua orang pegawai ANGKASA dan seorang pegawai SKM yang pakar dalam bidang masing-masing seperti kewangan, perniagaan, perundangan, pengurusan dan pentadbiran, teknologi maklumat, sektor keberhasilan Pemborongan & Peruncitan, Perladangan & Asas Tani, Pelancongan, Penjagaan diri & Kesihatan, Hartanah & Industri Pembinaan. Bengkel ini juga dianjurkan bertujuan untuk menentukan jenis khidmat nasihat yang boleh ditawarkan oleh pihak IKM dan akan dikendalikan oleh pasukan perunding yang akan dibentuk mengikut bidang perniagaan/keperluan koperasi. Bagi bengkel fasa pertama ini, sebanyak 12 buah koperasi berpotensi dianalisis secara mendalam dan menyeluruh merangkumi pelbagai aspek.

Hasil bengkel selama dua hari ini, setiap zon, pusat dan sektor yang terlibat akan menyediakan kertas cadangan nilai tambah yang boleh ditawarkan kepada koperasi dan tempoh bimbingan koperasi berdasarkan jenis program atau projek yang diperlukan oleh koperasi.

IKM Perkasa Kualiti Pegawai Latihan Menerusi Program Kolokium 2019

Nor Arma Abu Talib
Pusat Penyelidikan



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan.



Ketua Pengarah IKM bergambar kenangan bersama peserta Program Kolokium IKM 2019.

Menyedari kepentingan ilmu dalam meningkatkan kualiti Pegawai Latihan, Institut Koperasi Malaysia (IKM) melalui Pusat Penyelidikan telah menganjurkan Program Kolokium IKM 2019 kali ke-12 pada 20 – 21 Jun 2019 bertempat di Colmar Tropicale, Berjaya Hills, Bukit Tinggi. Seramai 85 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja IKM, wakil Kementerian dan wakil koperasi terlibat dalam berkongsi pendapat dan perbincangan secara

intelektual dan profesional bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran mengenai isu dan fenomena yang berkaitan pembangunan koperasi.

Program ini dirasmikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pembangunan Usahawan, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi dan turut bersama Ketua Pengarah IKM, YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat serta Pengarah-pengarah Kanan IKM. YBhg. Datuk Suraya dalam ucapannya berharap



Ucapan Aluan oleh YBhg. Tn Hj Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM.



Penyampaian cenderamata oleh Ketua Pengarah IKM kepada YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi.



Turut hadir bersama Pn. Azrilah Abd Aziz, Pengarah Seksyen Strategik Koperasi, Bahagian Pembangunan Koperasi, MED. (Duduk kiri).



Pembentang dan moderator sesi 2.



Suasana dalam dewan seminar.

agar setiap perancangan yang dibincangkan dalam program kolokium ini, IKM perlu memastikan bahawa semua program yang dijalankan dan disasarkan mempunyai *outcome* dalam membantu kementerian mencapai misi dan visi yang ditetapkan.

Sebanyak 14 kertas kerja telah dibentangkan dengan empat kertas kerja perkongsian ilmu. Manakala, enam kertas kerja hasil cetusan idea latihan dan sangkutan yang dihadiri oleh Pegawai Latihan di Jepun serta empat kertas kerja hasil daripada persidangan dan sidang kemuncak yang dihadiri oleh Pegawai Latihan dan wakil koperasi di Filipina, Sri Lanka dan United Kingdom. Setiap pembentangan yang disampaikan oleh pembentang adalah menarik dan peserta dapat mengenal pasti peluang baharu, strategi dan amalan terbaik koperasi dalam dan luar negara yang boleh dijadikan sebagai panduan dan mengaplikasikannya sebagai nilai tambah dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada para koperator.

Bengkel Penulisan Artikel Jurnal

Nur Anizah Aziz
Pusat Penyelidikan

Pusat Penyelidikan (CR), Institut Koperasi Malaysia (IKM) bertanggungjawab dalam mengurus dan menerbitkan *Malaysian Journal of Co-operative Studies* (MJCS) sekali dalam setahun. Bagi memastikan penulisan dan penerbitan artikel jurnal yang berkualiti, CR telah merangka program latihan iaitu Bengkel Penulisan Artikel Jurnal kepada Pegawai Latihan IKM dengan kerjasama Unit Sumber Manusia. Penganjuran bengkel ini juga merupakan satu inisiatif dalam meningkatkan bilangan penerbitan artikel jurnal di IKM yang dihasilkan oleh Pegawai Latihan.

Bengkel ini berlangsung selama dua hari bermula pada 17 Julai sehingga 18 Julai 2019 bertempat di Bilik Kuliah Bunga Raya, IKM. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan umum mengenai artikel jurnal dan panduan tentang *tips and trick* dalam menerbitkan artikel jurnal. Melalui bengkel ini juga, peserta dibimbing secara praktikal dalam menulis dan menghasilkan artikel jurnal. Seramai 44 orang Pegawai Latihan IKM yang hadir dengan penglibatan daripada semua wakil pusat, sektor dan zon IKM di seluruh Malaysia. Bengkel ini dibimbing

sepenuhnya oleh Dr. Nurul Fadly bin Habidin, pensyarah kanan daripada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Pada awal sesi bengkel, penceramah telah memberi gambaran secara umum tentang artikel jurnal dan memberi sedikit motivasi kepada para peserta dalam menulis dan menerbitkan artikel jurnal. Penceramah juga menerangkan topik-topik yang akan dibincangkan sepanjang dua hari bengkel. Dalam menulis dan menerbitkan artikel jurnal, penceramah telah menerangkan lima asas (keutamaan) yang perlu diambil kira dalam memilih



Peserta Bengkel Penulisan Artikel Jurnal bergambar bersama penceramah.



Antara peserta yang hadir sewaktu bengkel.



Penceramah memberi bimbingan secara langsung kepada peserta.



Dr. Nurul Fadly Habidin memberikan bimbingan dan tunjuk ajar.



Cik Sharina Abdullah (Pengarah Kanan IKM) menyampaikan cenderahati kepada penceramah.

jurnal untuk penerbitan. Secara ringkasnya, para peserta perlu memilih jurnal yang bersesuaian dengan bidang, mempunyai pemasaran dan imej yang baik, penerbitan yang pantas, jumlah pembaca yang luas dan mempunyai reputasi yang baik dalam meningkatkan *citation*. Penceramah juga memberi panduan tentang 35 *tips and trick* menulis dan menerbitkan artikel jurnal. Topik ini menerangkan ciri-ciri atau teknik yang perlu diambil kira dalam menulis artikel jurnal yang berkualiti dan dapat diterbitkan tanpa penolakan atau penambahbaikan yang minimum.

Seterusnya, penceramah menerangkan bagaimana 50 artikel jurnal dapat dihasilkan daripada sebuah tesis atau grant penyelidikan. Dalam topik ini, dapat diringkaskan bahawa setiap bab atau *chapter* dalam tesis atau grant penyelidikan dapat menghasilkan beberapa artikel tanpa perlu menunggu sehingga penulisan akhir (kesimpulan kajian).

Pada hari kedua bengkel pula, para peserta diminta untuk berada dalam kumpulan penyelidikan masing-masing bagi memudahkan penceramah untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar secara langsung dalam menulis dan menghasilkan artikel jurnal. Hasil daripada Bengkel Penulisan Artikel Jurnal ini, para peserta telah dapat menghasilkan draf 11 tajuk artikel jurnal. Dengan penghasilan draf artikel jurnal tersebut, dapat disimpulkan bahawa objektif Bengkel Penulisan Artikel Jurnal ini telah tercapai. Secara tidak langsung, para peserta telah memahami dengan jelas tentang artikel jurnal dan bagaimana untuk menerbitkannya. Selain itu, peserta juga telah dapat meningkatkan kemahiran dalam menulis artikel jurnal yang berkualiti.

Secara keseluruhannya, Bengkel Penulisan Artikel Jurnal ini dengan bimbingan Dr. Nurul Fadly bin Habidin telah berlangsung dengan jayanya dan dapat memberi manfaat serta nilai tambah kepada Pegawai Latihan IKM dalam menghasilkan penulisan artikel jurnal yang berkualiti dan berimpak. Ini juga sekali gus dapat meningkatkan bilangan penerbitan artikel jurnal yang dihasilkan oleh Pegawai Latihan dalam *Malaysian Journal of Co-operative Studies* (MJCS) di Institut Koperasi Malaysia (IKM).

Program *Kaki-kaki Kampung* Inisiatif Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad dalam Menyejahterakan Masyarakat

Shamsiah Syamsudin
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menyertai program Kaki-kaki Kampung anjuran Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad (KOWR) di Kampung Tulung, Kiulu pada 29 Ogos 2019 yang lalu. Program Kaki-kaki Kampung merupakan inisiatif KOWR untuk membantu penduduk luar bandar di Sabah bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup yang tinggi dan meningkatkan pendapatan melalui usaha KOWR membekalkan barang keperluan secara bergerak dan pada masa yang sama koperasi akan membeli hasil pertanian mereka.



Pegawai IKM Zon Sabah bersama Pengerusi KOWR En. Darren Lo & Penduduk Kampung Tulung, Kiulu.



Dewan Kampung Tulung, Kiulu tempat penjualan barang keperluan runcit & pengumpulan hasil tanaman untuk penduduk kampung.



Koperasi membayar secara tunai hasil jualan tanaman penduduk kampung.



Hasil Tanaman Penduduk Kampung di kumpulkan di Gudang Koperasi.



Penduduk kampung sedang membeli barang keperluan.

Modus operandi program tersebut ialah koperasi akan datang ke kampung yang terpilih dan menjadikan balai raya sebagai “*meeting point*” bagi membekal barang keperluan penduduk pada harga yang sama dengan kawasan bandar, manakala penduduk kampung akan menghantar hasil pertanian mereka kepada pihak koperasi. Hasil tanaman tersebut akan dibawa ke pusat pengumpulan koperasi yang terletak di gudang penyimpanan koperasi di Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Sepanggar. Selepas proses pembungkusan, koperasi seterusnya mengedarkan hasil pertanian tersebut ke pasar raya seperti Giant dan Bataras serta restoran di sekitar Kota Kinabalu, Inanam dan Tuaran.

Menurut En. Darren, pengurus KOWR, program tersebut telah berjaya memberi keuntungan sekitar RM10,000 – RM12,000 dalam sehari kepada penduduk luar bandar melalui pembelian hasil pertanian mereka. Manakala pihak koperasi juga berjaya mengutip purata hasil jualan bernilai RM10,000 semasa program tersebut berlangsung.



Penduduk kampung membayar tunai kepada juruwang setelah membeli barang runcit di koperasi.



Hasil tanaman penduduk kampung setelah melalui proses penimbangan.



Koperasi menimbang hasil tanaman penduduk kampung.



Program Sijil Business Coaching antara IKM dan CEDAR 23-27 September 2019.



Sesi Coaching antara YBhg. Tn. Hj. Ariffin dengan Coach Shawn.

Sijil Business Coaching Centre of Entrepreneur Development and Research (CEDAR)

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Pejabat Pengarah Kanan (Zon)

Satu program Sijil Business Coaching telah diadakan pada 23-27 September 2019 bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKM). Program dikendalikan oleh Centre of Entrepreneur Development and Research (CEDAR) melibatkan 21 orang pegawai IKM. Tujuan utama program sijil tersebut adalah untuk membantu pegawai IKM membuat *business coaching* untuk program Million Ringgit Coop League (MiRiCLe). Dua pegawai daripada CEDAR yang terlibat ialah Pn. Safura Atan dan En. Mohd Shahrom Shahril.



Sesi penerangan coaching kepada peserta IKM.



Antara pengisian program ialah pengenalan kepada *business coaching*, komunikasi berkesan, kemahiran bertanya soalan, cabaran mengendalikan sesi *coaching* dan lain-lain. Elemen *coaching* menjadi inti pati utama pembelajaran dengan tujuan memudah dan membantu pegawai IKM yang turun ke koperasi untuk mendapatkan maklumat dan membuat proses diagnosis dengan cara yang betul.

Selain sesi pembelajaran, terdapat pelbagai aktiviti lain yang dijalankan dalam kelas. Peserta juga telah memperoleh peluang mengendalikan sesi *coaching* itu sendiri sebanyak empat kali dengan peserta lain. Selain daripada itu, peserta juga diajar tentang peranan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang *coach*. Pada akhir sesi pembelajaran, peserta telah diberikan dua sijil oleh pihak CEDAR iaitu sijil *coaching* dan *business coaching*. Kursus ini diharap dapat membantu pegawai IKM untuk mengendalikan sesi temu bual dan *coaching* untuk koperasi yang terlibat dalam MiRiCLE.



Puan Safura menerangkan konsep GROWTH kepada peserta.



"Mengambil Tahu Untuk Membantu"

KELAYAKAN MiRiCLE

1. Koperasi berpotensi yang mahu dan ada komitmen meningkatkan prestasi.
2. Koperasi berpotensi yang bersedia bekerjasama dengan IKM.
3. Koperasi yang berpotensi dalam kluster mikro kecil dan sederhana.

APA ITU MiRiCLE

Program meningkatkan pendapatan koperasi kepada nilai jutaan.

TUJUAN WUJUD MiRiCLE

Meningkatkan kesejahteraan anggota dan koperasi melalui peningkatan pendapatan.

STRATEGI MiRiCLE

- IKM Turun Padang ke koperasi.
- Program Tambah Nilai Kepada Perniagaan Koperasi.
- Program Bimbingan dan Susulan Bersasar.
- Pemantauan Berterusan.

KENAPA MiRiCLE

Membantu koperasi mikro kecil dan sederhana yang berpotensi membangun dengan lebih terancang serta memperkasa sosioekonomi anggota koperasi.

ZON "TURUN PADANG"

- Kemahanuan
- Kesediaan
- Keperluan

PUSAT KEPAKARAN- IKM

- Sektor / Teknikal
- Functional
- Konsultasi
- Penyelidikan
- *Mentoring / Coaching*

Bimbingan dan Latihan “On Demand”



BANK RAKYAT

LALUAN PERTUMBUHAN MELALUI PENINGKATAN PRESTASI

- Tingkatkan produktiviti
- Kembangkan perniagaan sedia ada
- Mempelbagaikan perniagaan ke bidang baharu
- Amalan Pembudayaan Inovasi dan Aplikasi Teknologi

PENINGKATAN PENDAPATAN MELALUI TAMBAH NILAI

- Kursus
- Bengkel
- Khidmat Nasihat dan Bimbingan
- *Mentoring dan Coaching*
- Padanan Perniagaan



03-7964 9000



@miricleikm

DIPLOMA

Ambilan Sesi Tahun 2020

Kini Dibuka!

April / Julai / Oktober

PROGRAM

Diploma Pengurusan Koperasi (MQA/FA0907)

Diploma Keusahawanan Koperasi (MQA/PA8589)

Diploma Perakaunan (MQA/PA 9530)

Diploma Pengurusan Pentadbiran (MQA/PA 9125)

SYARAT KELAYAKAN MASUK

- Lulus SPM atau setara dengan minimum tiga Kredit.

Tajaan Penginapan*
1 Tahun

Elaun Sara Diri*
Tahun ke-2



+6019-293 6552



Daftar
Sekarang



www.icoop.edu.my